



**UTM**  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Office of  
Corporate Affairs  
UTM Kuala Lumpur

Office of Corporate Affairs  
Level 16, Menara Razak  
Universiti Teknologi Malaysia  
Jalan Semarak  
54100 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: +(6)03-21805127 / 5073 Fax: +(6)03-21805602 <http://www.utm.my/corporateaffairs/kl> Email: [corporate@ic.utm.my](mailto:corporate@ic.utm.my)

OUR REF:

## KENYATAAN MEDIA

### HEBAHAN SEGERA

### TPM BERI SOKONGAN PROJEK KOMUNITI BERFOKUS DI BAGAN DATOH, PERAK SEMPENA PeACE'16

**Bagan Datoh, Perak : 3 April 2016** - Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur (UTMKL) menganjurkan Program Libatsama Komuniti Berfokus di Parlimen Bagan Datoh, Perak yang dikenali sebagai PeACE'16 (*Perak Academic Community Engagement 2016*). Program dijayakan dengan usahasama beberapa buah Universiti Awam (UA) dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) terpilih iaitu; Universiti Teknologi MARA (UiTM) Seri Iskandar, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Kolej Komuniti Bagan Datoh, Perak. Antara matlamat PeACE'16 adalah untuk membantu pihak kerajaan dalam proses transformasi komuniti luar bandar selaras dengan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) di bawah Projek Transformasi Luar Bandar (RTP).

PeACE'16 terbahagi kepada dua (2) fasa. **Fasa I** dijalankan mulai 3 hingga 9 April 2016 yang berkonsepkan Ukhwah, Kesukarelawan dan Khidmat Sosial antara mahasiswa dan komuniti. Sasaran penyertaan adalah seramai 1000 orang yang terdiri daripada mahasiswa dan penduduk sekitar Parlimen Bagan Datoh.



INTELLECTUAL  
PROPERTY AWARD 2010  
Organisation Category  
2005, 2009 & 2010



MERDEKA AWARD 2009  
Outstanding Scholastic Achievement and  
Health, Science & Technology



Reader's Digest  
TRUSTED BRAND 2010  
University Category

**Fasa II** pula akan bermula pada 23 April hingga 30 Oktober 2016 dan ia melibatkan 3 (tiga) Projek Berimpak Tinggi iaitu; **Pertanian Fertigasi, Teknologi Fibreglass dan Pembangunan Platform e-Niaga Berpusat**. Ketiga-tiga projek ini dilaksanakan sebagai Projek Penyelidikan (Jangka Pendek) di bawah Geran Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). PeACE'16 dijangka dapat membantu dalam membangunkan SDSI (1Daerah1Industri) di Bagan Datoh. Secara tidak langsung, ia akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada komuniti setempat.

PeACE'16 juga merangkumi beberapa aspek lain seperti Kepimpinan dan Komunikasi, Pemindahan Teknologi, Kesihatan, Spiritual serta Perpaduan yang berpotensi untuk memberi nilai tambah kepada semua peserta yang terlibat, khususnya komuniti dan mahasiswa. Program ini berupaya memperkasa kemahiran komuniti dalam mengaplikasi teknologi semasa bagi menjana pendapatan secara lebih efektif dan konsisten.

Majlis Perasmian PeACE16 disempurnakan oleh YB Dato' Shahrul Zaman bin Dato' Yahya, Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Komunikasi & Multimedia, Negeri Perak pada 3 April 2016 jam 3.00 petang bertempat di Dewan Tuminah, Bagan Datoh, Perak.

**YAB Dato' Seri Diraja Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang merupakan Ahli Parlimen Bagan Datoh akan hadir pada Majlis Perasmian Penutupan Program PeACE 16 pada 10 April 2016 jam 2.00 petang bertempat di Sekolah Menengah Sains Bagan Datoh (SABDA).**

Maklumat lanjut, sila hubungi:

**Prof. Madya Ahmad bin Hj. Khalid**  
Pengarah Pembangunan Mahasiswa  
UTM Kuala Lumpur  
Jalan Sultan Yahya Petra,  
54100 Kuala Lumpur.

No. Pejabat: 03-26154121 | Email: [ahmadkhalid@utm.my](mailto:ahmadkhalid@utm.my)  
Website: [www.kl.utm.my/studentaffairs](http://www.kl.utm.my/studentaffairs)